



Pemeriksaan darah turut diadakan



Kakitangan Agensi Nuklear menderma darah



AJK PUSPANITA Agensi Nuklear Malaysia, gambar kenangan dengan Datuk Mohd Farid Presiden MAKNA


MAJLIS AMAL KANSER PUSPANITA MOSTI BERSAMA MAKNA

PENAUNG PUSPANITA Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berbangga atas sikap yang ditunjukkan oleh kakitangan Agensi Nuklear Malaysia apabila kakitangan agensi berkenaan sanggup membenarkan gaji mereka dipotong untuk dimasukkan ke dalam tabung Majlis Kanser Nasional (MAKNA). Cara sedemikian kata Datin Seri Dr. Kalsom Ismail adalah satu cara terbaik dalam usaha membantu pesakit-pesakit kanser di negara kita yang selama ini amat memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak untuk membantu pesakit yang mengharungi penderitaan akibat kanser.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan majlis Amal Kanser PUSPANITA Kementerian berkenaan di Dewan Tun Dr. Ismail, Kompleks Agensi Nuklear Malaysia di Bangi, baru-baru ini. Majlis tersebut adalah anjuran PUSPANITA Agensi Nuklear Malaysia bersempena sambutan Hari Kesihatan MOSTI 2006. Datin Seri Dr. Kalsom yang juga isteri kepada Datuk Seri Dr. Jamaluddin Jarjis menjelaskan lagi, seramai 700 kakitangan agensi berkenaan telahpun membenarkan gaji mereka di potong untuk disalurkan ke tabung MAKNA.

"Mereka berbuat demikian kerana percaya dengan adanya bantuan seperti itu ia boleh menyelamatkan banyak nyawa, terutama sekali pesakit-pesakit kronik yang sememangnya memerlukan kos tinggi untuk merawat penyakit mereka," ujarnya. Hadir sama pada majlis tersebut ialah Presiden MAKNA, Datuk Mohd. Farid Ariffin serta Pengerusi PUSPANITA Agensi Nuklear Malaysia, Profesor Madya Dr. Siti Rahayah Ariffin.

Prof. Madya Dr. Siti Rahayah pula dalam ucapannya sebelum itu memberitahu program ini bertujuan untuk meningkatkan amalan gaya hidup sihat di kalangan warga MOSTI di samping membantu MAKNA mengumpul dana bagi membantu pesakit kanser yang miskin di seluruh Negara terutamanya golongan kanak-kanak. Untuk memeriahkan lagi majlis pelbagai aktiviti menarik diadakan, termasuklah ceramah kesihatan, pemeriksaan kesihatan, saringan kanser, derma darah dan jualan pelbagai produk kesihatan.



Datin Seri Dr. Kalsom merasmikan laman web Agensi Nuklear Angkasa

Datin Seri Dr. Kalsom menyerahkan borang 'payroll giving MAKNA' kepada Datuk Mohd. Farid



Pesakit kanser, Aizan Sofia Amin menceritakan pengalamannya melawan penyakit kanser